

# Lawatan silaturahmi ke rumah panjang



Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiah

**BELAIT**, Sabtu, 19 Disember. - Rombongan Kelas Bimbingan Muallaf (KBM), Daerah Brunei dan Muara (DBM) membuat lawatan silaturahmi ke Rumah Panjang Mendaram Besar, Labi dan Rumah Panjang Teraja, Daerah Belait.

Program tersebut dikendalikan oleh Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyyah Muallaf), Unit Dakwah Daerah Belait dan KBM, DBM.

Mengetuai rombongan tersebut

ialah Ketua Bahagian Tarbiyyah Muallaf, PDI, Dr. Hajah Rohanita binti Haji Yaakub dan Pemangku Penolong Ketua Bahagian Tarbiyyah Muallaf, Awang Mohd. Wari @ Muhd. Mu'izzuddin bin Haji Jaya.

Lawatan tersebut bertujuan untuk membantu mengembangkan lagi pengetahuan dan mengeratkan lagi hubungan silaturahmi di antara pembimbing dan peserta, di samping berkongsi ilmu dan pengalaman serta bertukar-tukar pandangan dalam menjalani hidup

**KETUA** Bahagian Tarbiyyah Muallaf, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dr. Hajah Rohanita binti Haji Yaakub dan Pemangku Penolong Ketua Bahagian Tarbiyyah Muallaf, Awang Mohd. Wari @ Muhd. Mu'izzuddin bin Haji Jaya mengetuai Rombongan Kelas Bimbingan Muallaf (KBM), Daerah Brunei dan Muara (DBM) membuat lawatan silaturahmi ke Rumah Panjang Mendaram Besar, Labi; dan Rumah Panjang Teraja, Daerah Belait (kiri), sementara gambar kanan, antara sumbangan yang diberikan semasa lawatan tersebut.

sebagai muallaf dan untuk mengenali secara lebih dekat budaya muallaf semasa lawatan tersebut.

Rombongan lawatan tersebut disambut oleh Ketua Rumah Panjang Mendaram Besar, Awang Brandi anak Jamal.

Manakala di Rumah Panjang

Teraja disambut oleh Jawatankuasa Biru Wanita yang diketuai oleh Ketua Rumah Panjang Teraja, Awang Jamit anak Lasak.

Program tersebut diisi dengan ucapan wakil dari KBM, Dayang Nuraini binti Muhammad Amlee serta perkongsian pengalaman

hidup setelah memeluk agama Islam oleh tiga orang peserta KBM. Seterusnya, acara juga diteruskan dengan sesi beramah mesra bersama penghuni rumah panjang dan melawat ke tempat-tempat peranginan di persekitaran rumah panjang tersebut.

## UNISSA kenali Jabatan Penguatkuasaan Islam

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 Disember. - Seramai 30 mahasiswa daripada Fakulti Syariah dan Undang-Undang berserta Ahli Jawatankuasa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) membuat lawatan ke Jabatan Penguatkuasaan Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama pada 16 Disember lalu.

Rombongan mendengarkan taklimat daripada pegawai-pegawai JPI dan Unit Perundangan Islam.

Antara yang memberikan

lawatan tersebut. Taklimat ialah Timbalan Ketua Pegawai Penguatkuasa Ugama, Awang Haji Zuneidy bin Jumat; Pendakwa Syarie, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Ahmad; dan Pegawai Ugama, Dayang Saadatul Nazaha binti Haji Saiful Ashura. Pegawai-pegawai tersebut turut memberikan pandangan dan berkongsi pengalaman mereka bersama para mahasiswa semasa

lawatan tersebut. Lawatan diakhiri dengan pemberian cenderahati daripada JPI kepada rombongan lawatan yang berupa sebuah buku bertajuk 'The Shariah Penal Code : An Introduction', berserta 'Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013' dan 'Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah 2018'.



**PARA** mahasiswa daripada Fakulti Syariah dan Undang-Undang berserta Ahli Jawatankuasa Universiti Islam Sultan Sharif Ali bergambar ramai pada lawatan ke Jabatan Penguatkuasaan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

## DARI MAHKAMAH

### Dihukum penjara kerana memakan dadah

Oleh : Nooratini Haji Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 Disember. - Seorang lelaki warga tempatan dijatuhkan hukuman tiga bulan penjara kerana gagal membayar denda BND1,500 di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah (APD), Penggal 27.

Majistret Mohammad Marzuqi bin Sabtu menjatuhkan hukuman itu ke atas defendan, Awang Mohammad Hussein bin Sulaiman kerana didakwa memakan dadah terkawal jenis 'A' Methamphetamine di bawah Seksyen 6(b) akta yang sama.

Beliau diserahkan oleh pegawai Setia Protective Security Services (SPSS), Mahkamah Majistret Tutong kepada pegawai-pegawai Biro Kawalan Narkotik (BKN), Tutong pada 1 Mac 2018, di mana hasil ujian air kencing defendan didapati positif setelah dianalisis oleh Jabatan Perkhidmatan Sainifik.

Majistret Mohammad Marzuqi di Mahkamah Majistret hari ini juga memerintahkan agar defendan untuk menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Al-Islah selepas keluar dari pemenjaraan.

Dalam pendakwaan yang dijalankan oleh Pegawai Pendakwa, Normahirah binti Rosli juga menyatakan defendan tidak mempunyai rekod kesalahan yang lalu di bawah Seksyen 6(b) APD, Penggal 27.